

**FONOLOGI DIALEK MELAYU URAK LAWOI
BERDASARKAN TEORI AUTOSEGMENTAL**

SURAIYA CHAPAKIYA

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2017

**FONOLOGI DIALEK MELAYU URAK LAWOI
BERDASARKAN TEORI AUTOSEGMENTAL**

oleh

SURAIYA CHAPAKIYA

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2017

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, pengkaji dapat menyiapkan dan menyempurnakan kajian “Fonologi Dialek Melayu Urak Lawoi Berdasarkan Teori Autosegmental” bagi memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Bahasa Melayu).

Kajian ini berjaya dihasilkan berkat ilmu, usaha, sabar, komitmen, dedikasi dan minat yang mendalam terhadap bidang linguistik, khususnya bidang fonetik dan fonologi bahasa Melayu. Justeru, pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Tajul Aripin Kassin selaku penyelia yang amat teliti dan dedikasi. Beliau telah banyak memberi dorongan, bimbingan, nasihat, kata-kata perangsang dan yang paling penting beliau sangat mementingkan masa. Pengkaji amat menghargai komitmen dan kesungguhan beliau untuk membaca draf tesis, memberi komen, sama ada komen bertulis atau komen lisan yang amat teliti sehingga berjaya menyiapkan tesis ini.

Sekalung penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah memberi peluang dan ruang kepada pengkaji selama tempoh pengajian di sini. Ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Narimah binti Samat Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK).

Dalam kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Dr. Noriah Mohamed selaku Pengerusi Rancangan dan Pensyarah yang telah mengajar dan mencurahkan ilmu linguistik bahasa Melayu sepanjang pengajian pengkaji di universiti ini. Beliau juga sebagai pemeriksa utama dalam menyempurnakan lagi tesis ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga kepada Dr. Rozaida Abdul Rauf, Dr. Radiah Yusoff, Dr. Syed Zainal Ariff Jamaluddin, Puan Solakhiah Januri, Dr Jumia dan semua pensyarah Bahasa Melayu, Bahagian Linguistik, Terjemahan dan Literasi (BMBATI), PPIK, USM yang telah mengajar dengan penuh dedikasi dan mencurahkan ilmu yang tidak terhingga sehingga pengkaji berjaya sampai pada tahap ini. Hanya Allah s.w.t sahaja yang dapat membalas jasa baik yang dihulurkan selama pengajian pengkaji di USM ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz dari Universiti Putra Malaysia selaku pemeriksa luar yang sangat teliti dan berhemah tinggi. Pengkaji amat menghargai keahlian beliau dalam bidang fonologi sehingga dapat menyempurnakan lagi tesis ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Fatoni, khususnya Profesor Madya Dr. Ismail Lutfi Japakiya Rektor Universiti Fatoni yang selalu mendoakan kejayaan pengkaji sejak langkah pertama di Universiti Islam Yala (Universiti Fatoni) hingga seterusnya dalam memartabatkan bahasa Melayu di bumi pertiwi.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga kepada Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan (Southern Border Provinces Administrative Centre (SBPAC)) yang sentiasa menjaga kesejahteraan rakyat di lima wilayah sempadan selatan Thailand, iaitu wilayah Yala, Pattani, Narathiwat, Songkhla dan Satun.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada suami tercinta dan tersayang, iaitu Muhammad Fauzi bin Haji Ibrahim Chapakiya yang menjadi pendorong utama kepada pengkaji untuk menyambung pengajian tinggi, iaitu peringkat Doktor Falsafah Bahasa Melayu di USM. Beliau merupakan penggerak utama kepada pengkaji yang telah memberi kemudahan ulang-alik, mencari bahan-bahan rujukan, kewangan, motivasi, menjaga anak-anak, mahupun masa untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada anak-anak tersayang, Amin, Amani, Imran, Ismah dan Afif yang selalu membakar semangat dan mendoakan kejayaan pengkaji selama ini.

Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Almarhum ayahanda Haji Nik Ibrahim Nik Mat dan bonda Hajah Fauziah Nik Mat. Almarhum ayahanda mentua Haji Ibrahim Chapakiya dan bonda mentua Hajah Zainab Chapakiya, kakak-kakak, abang-abang dan adik-adik tersayang yang selalu mendoakan kejayaan pengkaji selama ini.

Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada 20 orang informan yang terdiri daripada 10 orang informan di Kampung Laem Tukkae wilayah Phuket dan 10 orang informan di Pulau Lipek wilayah Satun dan semua pihak yang berkaitan yang sudi memberi kerjasama dalam pengumpulan data kajian ini.

Ucapan terima kasih kepada semua rakan-rakan, para pegawai di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, para pegawai Institut Pengajian Siswazah USM dan para pegawai perpustakaan USM, hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik kalian dan pasti akan dikenang oleh pengkaji sepanjang hayat.

Akhir sekali, pengkaji berharap kajian ini dapat memberi inspirasi, panduan dan manfaat kepada pembaca terutamanya dalam bidang fonetik dan fonologi.

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Isi Kandungan	vi
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xiv
Senarai Singkatan	xviii
Senarai Lambang	xix
Abstrak	xx
Abstract	xxi

BAB 1: PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.1.1	Latar Belakang Orang Laut di Kampung Laem Tukkae	2
1.1.2	Latar Belakang Orang Laut di Pulau Lipek	5
1.2	Permasalahan Kajian	7
1.3	Objektif Kajian	13
1.4	Persoalan Kajian	13
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Skop dan Batasan Kajian	14
1.6.1	Data Kajian	15
1.6.2	Informan Kajian	15
1.6.3	Tempoh Kajian	18

1.6.4	Lokasi Kajian	18
1.7	Definisi Istilah	18
1.7.1	Fitur	19
1.7.2	Distingtif	19
1.7.3	Penyebaran	19
1.7.4	Asimilasi	20
1.7.5	Geluncuran	20
1.7.6	Penyisipan	20
1.7.7	Pengguguran	21
1.7.8	Pengglotisan	21
1.7.9	Struktur Dalaman	21
1.7.10	Struktur Permukaan	22
1.8	Rumusan	22

BAB 2: ULASAN KAJIAN LEPAS

2.0	Pendahuluan	23
2.1	Aspek Inventori Fonem	23
2.2	Aspek Struktur Suku Kata	25
2.3	Aspek Proses Fonologi	26
2.4	Rumusan	49

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORETIS

3.0	Pendahuluan	51
3.1	Metodologi Kajian	51
3.1.1	Reka Bentuk Kajian	51

3.1.2	Pengumpulan Data	52
3.1.3	Kaedah Lapangan	52
	3.1.3(a) Kaedah Pemerhatian	52
	3.1.3(b) Kaedah Temu Bual	53
	3.1.3(c) Kaedah Rakaman	55
3.1.4	Kaedah Kepustakaan	55
3.1.5	Analisis Data	57
3.1.6	Transkripsi Data	58
3.1.7	Carta Aliran Kerangka Konseptual	60
3.2	Kerangka Teoretis	62
3.2.1	Teori Autosegmental	63
	3.2.1(a) Penyebaran Fitur, Garis Hubung dan Nyah Hubung	64
	3.2.1(a)(i) Asimilasi	65
	3.2.1(a)(ii) Penasalan Vokal	67
	3.2.1(b) Geometri Fitur Distingtif Model Halle (1995)	69
	3.2.1(c) Representasi Tingkat Suku Kata Clements (1985(a))	73
	3.2.1(d) Pembinaan Suku Kata	74
	3.2.1(e) Pemindahan Melodi Clements (1985(b))	82
	3.2.1(f) Kerangka Teoretis Kajian	85
3.3	Rumusan	87

BAB 4: INVENTORI FONEM DAN PEMBINAAN SUKU KATA

DIALEK MELAYU URAK LAWOI

4.0	Pendahuluan	88
4.1	Inventori Vokal	89
4.1.1	Vokal Depan	92
4.1.1(a)	Vokal Depan Tinggi /i/	93
4.1.1(b)	Vokal Depan Rendah /a/	94
4.1.2	Vokal Tengah /ə/	95
4.1.3	Vokal Belakang Tinggi /u/	96
4.1.4	Diftong	98
4.1.4(a)	Diftong /au/	99
4.1.4(b)	Diftong /ai/	99
4.2	Inventori Konsonan	100
4.2.1	Konsonan Hentian Tak Bersuara /p/	102
4.2.2	Konsonan Hentian Bersuara /b/	103
4.2.3	Konsonan Hentian Tak Bersuara /t/	104
4.2.4	Konsonan Hentian Bersuara /d/	106
4.2.5	Konsonan Hentian Tak Bersuara /k/	107
4.2.6	Konsonan Hentian Bersuara /g/	108
4.2.7	Konsonan Afrikat Koronal Tak Bersuara /tʃ/	109
4.2.8	Konsonan Afrikat Koronal Bersuara /dʒ/	110
4.2.9	Konsonan Frikatif Glotis /h/	110
4.2.10	Konsonan Likuida Koronal /l/	111
4.2.11	Konsonan Getaran /r/	112

4.2.12	Konsonan Nasal Labial /m/	114
4.2.13	Konsonan Nasal Koronal /n/	115
4.2.14	Konsonan Nasal Koronal /ɲ/	117
4.2.15	Konsonan Nasal Dorsal /ŋ/	118
4.2.16	Konsonan Hentian Koronal /s/	119
4.2.17	Konsonan Geluncuran Labial /w/	121
4.2.18	Konsonan Geluncuran Koronal /j/	121
4.2.19	Konsonan Hentian Glotis /ʔ/	122
4.3	Fitur Distingtif Vokal dan Konsonan	124
4.3.1	Representasi Fitur Distingtif Vokal	125
4.3.2	Representasi Fitur Distingtif Konsonan	128
4.4	Struktur Suku Kata	133
4.4.1	Suku Kata Terbuka	134
4.4.1(a)	Suku Kata Terbuka KV	134
4.4.1(b)	Suku Kata Terbuka KKV	136
4.4.2	Suku Kata Tertutup	139
4.4.2(a)	Suku Kata Tertutup KVK	139
4.4.2(b)	Suku Kata Tertutup KVKK	142
4.4.2(c)	Suku Kata Tertutup KKVK	145
4.4.2(d)	Suku Kata Tertutup KKVKK	147
4.5	Rumusan	153

BAB 5: PROSES FONOLOGI DALAM DIALEK MELAYU URAK LAWOI

5.0	Pendahuluan	155
5.1	Proses Asimilasi	155
5.1.1	Asimilasi Nasal-Hentian	156
5.1.1(a)	Asimilasi Total Nasal-Hentian Bersuara di Sempadan Awalan	157
5.1.1(b)	Asimilasi Nasal Hentian Tak Bersuara	163
5.2	Pengguguran	172
5.2.1	Pengguguran Hentian Bersuara dalam Kata Dasar	172
5.2.2	Pengguguran Nasal dalam Kata Dasar	179
5.2.3	Pengguguran Getaran /r/ di Akhir Kata	184
5.2.4	Pengguguran Vokal Schwa /ə/	189
5.3	Perubahan Konsonan	195
5.3.1	Perubahan Konsonan Nasal di Akhir Kata	196
5.3.2	Perubahan Konsonan Likuida /l/ kepada [n]	201
5.4	Pengglotisan	204
5.4.1	Pengglotisan Hentian Korornal /s/ kepada Hentian Glotis [h]	204
5.4.2	Pengglotisan Hentian Tak Bersuara kepada Hentian Glotis [ʔ]	210
5.5	Pendiftongan	217
5.5.1	Pendiftongan [aj]	218
5.5.2	Pendiftongan [ej]	222
5.5.3	pendiftongan [oj]	227
5.6	Perendahan Vokal	231

5.7	Penggandaan Separa	236
5.8	Proses Fonologi Sebelum Pengguguran Getaran /r/ di Akhir Kata	256
5.9	Rumusan	262
BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN		
6.0	Pendahuluan	264
6.1	Rumusan Dapatan Kajian	264
6.2	Sumbangan Kajian	273
6.3	Saranan Kajian Lanjutan	273
6.4	Rumusan	274
BIBLIOGRAFI		275
LAMPIRAN		283

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.0: Lambang Fonetik Antarabangsa IPA (2015)	59
Jadual 4.0: Inventori vokal dialek UL	90
Jadual 4.1: Inventori vokal dialek UL	90
Jadual 4.2: Inventori fonem konsonan DMUL	101
Jadual 4.3: Fitur distingtif vokal DMUL	125
Jadual 4.4: Fitur distingtif konsonan DMUL	129

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 3.0	Carta Aliran Kerangka Konseptual	61
Rajah 3.1	Penyebaran fitur dalam proses asimilasi BMS	66
Rajah 3.2	Penyebaran fitur dalam proses penasalan vokal BMS	68
Rajah 3.3	Geometri fitur distingtif model Halle (1995)	71
Rajah 3.4	Representasi tingkat suku kata Clements (1985(a))	74
Rajah 3.5	Penstrukturan suku kata BM	78
Rajah 3.6	Rumus pembinaan nukleus	79
Rajah 3.7	Rumus pembinaan onset	80
Rajah 3.8	Rumus pembinaan koda	80
Rajah 3.9	Kerangka teoretis kajian	86
Rajah 4.0	Inventori fonem vokal DMUL	92
Rajah 4.1	Kedudukan diftong DMUL	98
Rajah 4.2	Representasi fitur distingtif vokal DMUL	126
Rajah 4.3	Representasi fitur distingtif konsonan DMUL	130
Rajah 4.4	Rumus pembinaan nukleus suku kata terbuka KV /bi/ [bi] ‘beri’	135
Rajah 4.5	Rumus pembinaan onset suku kata terbuka KV /bi/ [bi] ‘beri’	135
Rajah 4.6	Rumus pembinaan nukleus suku kata terbuka KKV bagi perkataan /bɛlaŋa/ [bla.ŋã] ‘belanga’	137
Rajah 4.7	Rumus pembinaan onset suku kata terbuka KKV bagi suku kata pertama dalam perkataan /bɛlaŋa/ [bla.ŋã] ‘belanga’	138
Rajah 4.8	Rumus pembinaan nukleus bagi KVK	140
Rajah 4.9	Rumus pembinaan onset bagi KVK	140

Rajah 4.10	Rumus pembinaan koda bagi KVK	141
Rajah 4.11	Rumus pembinaan nukleus bagi KVKK	143
Rajah 4.12	Rumus pembinaan onset bagi KVKK	143
Rajah 4.13	Rumus pembinaan koda bagi KVKK	144
Rajah 4.14	Rumus pembinaan nukleus suku kata tertutup KKVK	145
Rajah 4.15	Rumus pembinaan onset suku kata tertutup KKVK	146
Rajah 4.16	Rumus pembinaan koda bagi KKVK	147
Rajah 4.17	Rumus pembinaan nukleus suku kata tertutup KKVKK	148
Rajah 4.18	Rumus pembinaan onset suku kata tertutup KKVKK	149
Rajah 4.19	Rumus pembinaan koda bagi KKVKK	150
Rajah 5.0	Rumus asimilasi regresif total dalam DMUL	160
Rajah 5.1	Pemanjangan konsonan hentian bersuara di sempadan awalan DMUL	161
Rajah 5.2	Asimilasi total nasal- hentian bersuara di sempadan awalan /ŋ+bəla/ [bbə.la] ‘membela’	162
Rajah 5.3	Rumus asimilasi regresif separa nasal-hentian tak bersuara di sempadan awalan	166
Rajah 5.4	Rumus asimilasi progresif total nasal-hentian tak bersuara di sempadan awalan	167
Rajah 5.5	Asimilasi nasal-hentian tak bersuara di sempadan awalan dalam perkataan /ŋ+pəʃfah/ [mmə.ʃfah] ‘memecah’	170
Rajah 5.6	Rumus pengguguran hentian bersuara dalam kata dasar DMUL	174
Rajah 5.7	Rumus nasalisasi vokal progresif	175
Rajah 5.8	Pengguguran hentian bersuara dalam kata dasar /ləmbu/ [lə.mū] ‘lembu’	178
Rajah 5.9	Rumus pengguguran nasal dalam kata dasar DMUL	180
Rajah 5.10	Pengguguran nasal dalam kata dasar /mimpi/ [mĩ.pi] ‘mimpi’	183
Rajah 5.11	Rumus pengguguran getaran /r/	185
Rajah 5.12	Pengguguran getaran /r/ dalam perkataan /bibir/ [bi.bej] ‘bibir’	188

Rajah 5.13	Rumus pengguguran vokal schwa /ə/ dalam DMUL	191
Rajah 5.14	Pengguguran vokal schwa /ə/ dalam perkataan /tərlalu/ [tra.lu] ‘terlalu’	193
Rajah 5.15	Rumus perubahan konsonan nasal /m, n, ŋ/ kepada konsonan hentian tak bersuara [p, t, k]	198
Rajah 5.16	Perubahan konsonan nasal labial /m/ kepada konsonan hentian tak bersuara [p]	200
Rajah 5.17	Rumus perubahan konsonan likuida /l/ kepada konsonan nasal koronal [n]	202
Rajah 5.18	Perubahan konsonan likuida /l/ kepada konsonan nasal koronal [n] di akhir kata dalam perkataan /kapal/ [ka.pan] ‘kapal’	203
Rajah 5.19	Rumus pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h] di akhir kata	206
Rajah 5.20	Pengglotisan hentian koronal /s/ kepada hentian glotis [h] di akhir kata /ʔatas/ [ʔa.tajh] ‘atas’	209
Rajah 5.21	Rumus pengglotisan dalam DMUL	212
Rajah 5.22	Proses pengglotisan dalam perkataan /kulit/ [ku.lejʔ] ‘kulit’	216
Rajah 5.23	Rumus penyisipan vokal tinggi /i/	217
Rajah 5.24	Proses pendiftongan [aj] dalam perkataan /ʔakar/ [ʔa.kaj] ‘akar’	221
Rajah 5.25	Pendiftongan [ej] dalam perkataan /sisir/ [si.sej] ‘sisir’	226
Rajah 5.26	Pendiftongan [oj] dalam perkataan /lutut/ [lu.tojʔ] ‘lutut’	230
Rajah 5.27	Rumus perendahan vokal tinggi /i/ dan /u/ kepada vokal [e] dan [o, ɔ]	233

Rajah 5.28	Perendahan vokal tinggi /i/ kepada vokal [e] dalam perkataan /kirim/ [ki.rep] ‘kirim’	235
Rajah 5.29	Representasi penggandaan separa BMS bagi kata dasar diawali Suku kata terbuka berdasarkan acuan KV	237
Rajah 5.30	Representasi penggandaan separa BMS bagi kata dasar diawali Suku kata tertutup berdasarkan acuan KV	239
Rajah 5.31	Representasi penggandaan separa DP bagi kata dasar bersuku kata terbuka di akhir kata berdasarkan acuan KVK	242
Rajah 5.32	Representasi penggandaan separa DP bagi kata dasar bersuku kata tertutup berdasarkan acuan KVK	246
Rajah 5.33	Representasi penggandaan separa DMUL bagi perkataan /tanda/ [nã.ta.nã] ‘tetanda’ berdasarkan acuan KVK	251
Rajah 5.34	Representasi penggandaan separa DMUL bagi kata dasar di akhir suku kata tertutup berdasarkan acuan KVK	254
Rajah 5.35	Rumus pengguguran konsonan getaran /r/ di akhir kata dalam DMUL Pulau Lipek	259
Rajah 5.36	Pengguguran konsonan getaran /r/ dan penengahan vokal /a/ kepada vokal schwa [ə] dalam perkataan /bəsar/ [bə.sə] ‘besar’	261

SENARAI SINGKATAN

DMUL	Dialek Melayu Urak Lawoi
UL	Urak Lawoi
BMS	Bahasa Melayu Standard
SD	Struktur Dalaman
SP	Struktur Permukaan
BM	Bahasa Melayu
BT	Bahasa Thai
MP3	Alat perakam suara
VCD	<i>Video Compact Disc</i> (Cakera padat)
IPA	<i>International Phonetic Alphabet</i>
FG	Fonologi Generatif
K	Konsonan
V	Vokal
KD	Kata Dasar
KV	Konsonan-Vokal
KVK	Konsonan-Vokal-Konsonan
TA	Titik Artikulasi

SENARAI LAMBANG

O	Onset Suku Kata
R	Rima Suku Kata
N	Nukleus Suku Kata
Ko	Koda Suku Kata
—	Posisi / Tempat berlakunya proses fonologi
ʔ	Hentian Glotis
→	Direalisasikan sebagai
//	Tanda Fonemik/ Transkripsi Luas
[]	Tanda Fonetik/ Transkripsi Sempit
*	Tidak gramatis
{	Kurungan
()	Kurungan
-	Sempadan akhiran ialah sempadan yang memisahkan morfem terikat dengan kata dasar
+	Sempadan awalan ialah sempadan yang memisahkan morfem terikat dengan kata dasar.
=	Sempadan awalan yang wujud pada representasi dalaman yang dapat ditentukan oleh struktur fonologi, sama ada suku kata terbuka atau suku kata tertutup.
#	Sempadan kata
=	Sama dengan
→ ∅	Pengguguran
∅ →	Penyisipan

FONOLOGI DIALEK MELAYU URAK LAWOI BERDASARKAN TEORI AUTOSEGMENTAL

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti inventori fonem dialek Melayu Urak Lawoi (DMUL) dan mengenal pasti struktur suku kata DMUL. Selain itu, kajian ini juga menganalisis proses-proses fonologi DMUL. Analisis ini memanfaatkan teori autosegmental berdasarkan geometri fitur distingtif model Halle (1995), representasi tingkat suku kata Clements (1985(a)), model pemindahan melodi Clements (1985(b)) dan pembinaan suku kata Zaharani dan Teoh Boon Seong (2006). Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Untuk mendapatkan data, pengkaji telah turun ke lapangan dan membuat pemerhatian serta temu bual dengan informan. Hasil kajian menunjukkan DMUL mempunyai sebanyak empat vokal, iaitu vokal /i, a, ə, u/ yang menghasilkan lapan bunyi vokal seperti [a, i, u, e, ə, ε, ɔ, o], 19 konsonan dan 4 konsonan terbitan. Manakala, struktur suku kata DMUL tergolong dalam jenis ke III, iaitu pola suku kata KV(K). Antara proses-proses fonologi DMUL yang dikenal pasti dan dianalisis berdasarkan teori autosegmental ialah proses asimilasi, pengguguran, perubahan konsonan, pengglotisan, pendiftongan dan perendahan vokal. Kajian ini juga mendapati DMUL berlaku proses fonologi seperti proses pendiftongan, penengahan vokal dan perendahan vokal. Kajian juga meneliti perkataan diakhiri konsonan getaran /r/.

**THE PHONOLOGY OF URAK LAWOI MALAY DIALECT
ON AUTOSEGMENTAL THEORY**

ABSTRACT

This study is aimed to identify and determine the Malay dialect phonemes and the syllable structure of Urak Lawoi Malay Dialect (ULMD). The study is also conducted to analyse the phonological processes of (ULMD). This analysis makes use of the autosegmental theory based on Distinctive Feature Geometry Model by Halle (1995), Clement's Representation Level of Syllable Structure (1985(a)), Clement's Melodic Transfer (1985(b)) and, Zaharani and Teoh Boon Seongs' Building of Syllable Structure (2006). A qualitative method is used in running this study. All the collected data were obtained from a field work where observations and interviewing respondents were carried out by the researchers. The result shows that the ULMD has 4 vowels /i, a, ə, u/ which produces 8 sound like vocals [a, i, u, e, ə, ε, ɔ, o] and 19 consonants and 4 derivative consonants. While the syllable structure of ULMD is categorised as type III which is a pattern of CV(C) syllable. The phonological processes of ULMD which have been identified and analysed based on the autosegmental theory are the assimilation process, deletion, consonant changing, glottalisation, diphthongisation and vowel lowering. The study also, when a word ends with a trill consonant /r/.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Linguistik merupakan bidang ilmu yang mengkaji bahasa manusia secara saintifik (Lyons, J., 1968, p. 1). Saintifik bermaksud suatu kajian yang dijalankan secara teratur mengikut syarat atau rumus tertentu dan hasil dapatan kajian dapat dibuktikan melalui sains atau secara empirikal, iaitu melalui pemerhatian yang sah dengan menggunakan kaedah atau teori bahasa tertentu (Abdullah, 1986, p. 1).

Kajian fonologi pula merupakan salah satu bidang linguistik yang mengkaji sistem bunyi yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu bahasa. Bagi memudahkan pemerian sistem bunyi, maka satu unit nahu telah diwujudkan yang dinamakan sebagai fonem. Fonem berfungsi membentuk sistem ejaan, iaitu menggunakan lambang untuk mendeskripsikan bunyi bahasa (Adi Yasran, 2005, p. 1). Bunyi bahasa yang disusun secara tersusun dan sistematik pula akan membentuk perkataan yang bermakna, iaitu bunyi tertentu yang berfungsi untuk membezakan makna perkataan dalam sesuatu bahasa (Noriah, 2009, p. 26).

Tajul Aripin (2011) menjelaskan bahawa fonologi merupakan cabang linguistik yang mengkaji bunyi pertuturan bahasa manusia di dunia secara abstrak. Sebelum tahun 1960-an, ahli fonologi lebih menekankan kajian fonologi terhadap bunyi fonem secara segmental atau pembahagian fonem, seperti penyebaran bunyi, kelainan bunyi dan representasi bunyi (p. 23).

Namun begitu, sejak kebelakangan ini aliran fonologi lebih menumpukan kajian sesuatu bahasa menggunakan teori fonologi generatif, seperti pendekatan atur rumus, teori autosegmental dan teori optimaliti.

Oleh itu, untuk membuktikan analisis yang tepat dan berpada, kajian ini membincangkan beberapa aspek fonologi dialek Melayu Urak Lawoi (DMUL) atau dikenali juga sebagai “Orang Laut” dalam konteks yang lebih luas. Aspek yang akan dibincangkan ialah fitur inventori fonem, struktur suku kata dan proses-proses fonologi yang berlaku dalam DMUL. Aspek-aspek fonologi ini dianalisis dengan menggunakan teori autosegmental. Amon Taweesak (1986) menyatakan bahawa orang laut di barat Thailand Selatan dikenali dengan nama *Chaole* dalam BT yang bermaksud kumpulan minoriti orang laut. Terdapat tiga kumpulan orang laut di Thailand Selatan iaitu yang memanggil diri mereka *Urak Lawoi*, *Moken* dan *Moklen*.

1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan di dua lokasi yang didiami oleh orang laut di Thailand Selatan, iaitu orang laut yang tinggal di Kampung Laem Tukkae wilayah Phuket dan orang laut yang tinggal di Pulau Lipek. Bagi mengetahui latar belakang orang laut tersebut, pengkaji akan menyatakan secara ringkas latar belakang orang laut bagi kedua-dua lokasi tersebut seperti yang berikut:

1.1.1 Latar Belakang Orang Laut di Kampung Laem Tukkae

Menurut Methiwa (2008), kebanyakan orang laut percaya bahawa keturunan mereka berasal dari Gunung Jerai, Kedah, Malaysia. Seterusnya, orang laut berhijrah ke negara Thailand dan singgah di Pulau Adang, Pulau Lipek dan Pulau Bulon dalam

wilayah Satun. Kemudian mereka berpindah ke wilayah Trang seperti Pulau Muk, Pulau Ngai, Pulau Kradang dan Pulau Libong. Mereka berpindah lagi ke wilayah Krabi, iaitu di Pulau Lanta, Pulau Phiphi dan Pulau Cam. Walau bagaimanapun, mereka tidak menetap di situ. Mereka berpindah hingga ke wilayah Phangnga, dan seterusnya ke wilayah Phuket. Orang laut menganggap Pulau Lanta merupakan rumah pertama dan tempat orang laut berkumpul, serta menganggap Pulau Lanta sebagai ibu negeri bagi puak mereka (Methiwa, 2008, p. 62-64).

Di wilayah Phuket, kampung Laem Tukkae merupakan sebahagian dari Pulau Sireh dalam Mukim Rasada, daerah bandar, wilayah Phuket. Orang laut di kampung ini merupakan tempat pertama *Orang Thai Baru* (orang laut) yang tinggal sejak 200 tahun yang lalu. Maksud Mu Ban Laem Tukkae ialah Mu Ban (kampung) Laem (tanjung) dan Tukkae (tokek). Berdasarkan hikayat di kampung ini terdapat tujuh hingga lapan pokok celagi yang banyak tokek atau cicak, di samping keadaan geografi kampung yang berbentuk tanjung yang mengunjur ke laut menyebabkan penduduk kampung menamakan kampung ini dengan nama kampung Laem Tukkae (Samnangkan Thesaban Tambon Rasada (2014)).

Menurut Supin (2007) perkataan *Urak* berasal daripada *people* yang bermaksud orang dan *Lawoi* berasal daripada *sea* yang bermaksud laut. Masyarakat Urak Lawoi (UL) merupakan salah satu kumpulan minoriti yang tinggal di Thailand yang berbeza daripada kumpulan etnik dominan. Mereka dianggap sebagai etnik Melayu yang secara tradisinya tidak mempunyai bentuk tulisan dan merupakan sebahagian daripada keluarga bahasa Austronesia yang boleh dianggap sebagai dialek

Melayu etnik lama yang menggunakan bahasa Melayu-polinesia atau dialek Melayu dalam kehidupan seharian (Supin, 2007, p. 9).

Kampung Laem Tukkae merupakan salah sebuah kampung antara tujuh buah kampung dalam mukim Rasada, daerah bandar wilayah Phuket. Kampung Laem Tukkae berbentuk tanjung yang mengunjur ke laut, mempunyai bukit di penghujung teluk dan selain itu merupakan tanah datar. Keadaan geografi kampung ini dikelilingi laut, di utara bersempadan dengan kampung Pulau Sireh, di selatan bersempadan dengan laut, di timur bersempadan dengan laut dan di barat bersempadan dengan Sungai Thacin. Masyarakat kampung ini bekerja sebagai nelayan. Keluasan kawasan kampung ini dikatakan paling kecil dalam mukim Rasada. Adapun jumlah penduduk kampung ini ialah 1486 orang daripada 284 buah keluarga yang terdiri daripada 745 orang lelaki dan 741 orang perempuan (Samnakngan Thesaban Tambon Rasada (2014)) dan Jabatan Pendaftaran Negara Thailand (2012, p. 4-8))¹.

Kampung Laem Tukkae ini dikenali dengan nama Kampung Orang Thai Baru kerana kampung ini dianggap sebagai salah sebuah tempat pelancongan di wilayah Phuket. Masyarakat UL merupakan kumpulan terbesar di Phuket yang masih mengekalkan adat resam dan budaya tradisional, seperti tempat tinggal, joget ronggeng dan cara sara hidup sebagai nelayan yang menggunakan alat memancing ikan secara tradisional (Jabatan Pendaftaran Negara Thailand, Februari 2012, p. 4-8). Selain kampung Laem Tukkae, kajian ini juga akan mengenal pasti DMUL di Pulau Lipek, wilayah Satun, Thailand. Berikut latar belakang orang laut di Pulau Lipek:

¹ Maklumat latar belakang Kampung Laem Tukkae dipetik dalam *Suasana Geografi dan Maklumat Asas Daerah Mukim Rasada* diakses daripada www.rasada.go.th/content/content/history.pdf pada 10 Mac 2014.

1.1.2 Latar Belakang Orang Laut di Pulau Lipek

Pulau Lipek terletak di kepulauan Adang-Rawi, iaitu di barat wilayah Satun. Pulau ini merupakan tempat kediaman masyarakat UL sejak zaman Rama Kelima dan terkenal dengan perkampungan UL. Jarak antara pulau ini dengan bandar Satun ialah 62 kilometer. Keluasan pulau ini kira-kira 3 kilometer sahaja (Borisut Prasobsap (2013) sumber Wikipedia.org, 2016)². Perkataan Lipek bermaksud nipis sesuai dengan saiz keluasannya yang kecil. Keadaan geografi di sebelah utara dan selatan Pulau Lipek berbentuk tanah rata. Di sebelah timur dan barat pulau ini berbentuk bukit rendah yang menurun ke kawasan batu berhampiran dengan kawasan laut. Secara keseluruhannya, pulau ini berbentuk rata dan landai (Hasnida, 2008, p. 31-32).

Pulau Lipek terletak di luar kuasa Taman Negara Tarutao. Oleh sebab itu, Pulau Lipek dikecualikan daripada undang-undang taman negara tersebut. Jumlah terkini masyarakat UL di Pulau Lipek ini ialah 489 orang lelaki dan 487 orang perempuan dan jumlah keseluruhannya seramai 976 orang (Majlis Pentadbiran Mukim Koh Sarai, wilayah Satun, Jun 2009)³.

Supin (2007) berpendapat bahawa Pulau Lanta Yai di wilayah Krabi merupakan tempat pertama yang didiami oleh UL. Beliau menyatakan bahawa pada tahun 1900, seorang lelaki Muslim yang bernama Tok Kiri berasal dari Aceh, Indonesia merupakan penduduk pertama yang tinggal di Pulau Lipek setelah masyarakat UL dipindahkan oleh Praya Poomnardpakdee, raja Satun dari Pulau Lanta

² Borisut Prasobsap. (2013, Oktober 20). Jawapan daripada orang suka melancong "คำตอบ...จากคนชอบเที่ยว". Dailynews. Diakses daripada <https://th.wikipedia.org/wiki/เกาะหลีเป๊ะ>

³ Maklumat jumlah masyarakat UL di Pulau Lipek pada Jun 2009 diakses daripada www.kohsarai.go.th/general1.php

Yai dan Pulau Sireh. Pada zaman Rama keenam, yaitu Somdech Phrarachachonnani Sri Sangwan ibunda raja telah menganugerahkan nama keturunan atau *nam sakun hanthalay* kepada masyarakat UL di Pulau Lipek dan Tok Kiri merupakan orang pertama yang mendapat anugerah *nam sakun hanthalay* yang bermaksud berani laut. Selain itu, nama keturunan UL di wilayah Phuket ialah *pramongkit* yang bermaksud nelayan, nama keturunan UL di Pulau Lanta ialah *thaleluk* yang bermaksud laut dalam dan *changnam* yang bermaksud gajah air (Supin, 2007, p. 10).

Ekarat (2009) menjelaskan bahawa Tok Kiri dan kawan-kawan merantau untuk mencari tempat tinggal. Mereka singgah di Koh Bulon⁴ dan Koh Lanta, wilayah Krabi, Thailand. Kawan-kawan Tok Kiri memilih Koh Lanta sebagai tempat tinggal, tetapi Tok Kiri terus merantau hingga sampai ke Pulau Lipek. Tok Kiri berkahwin dengan gadis dari Koh Lanta. Beliau membawa saudara-mara dari Indonesia untuk tinggal bersama-samanya di Pulau Lipek yang kaya dengan sumber alam (Ekarat, 2009, p. 2).

Sehubungan dengan itu, Sunim Hanthale 68 tahun (wawancara pada 5 Mei 2016 di rumahnya Pulau Lipek) menyatakan bahawa dahulu Tok Kiri berasal dari Aceh Indonesia berhijrah ke Pulau Lipek dengan membawa keluarganya dan berkahwin dengan orang laut. Tok Kiri juga merupakan bomoh yang dihormati oleh orang laut. Sekarang orang laut menyembah kubur Tok Kiri dan dianggap keramat.

⁴ Perkataan Koh dalam bahasa Thai bermaksud pulau (Mohammad, 2004, p. 18).

Menurut Majlis Pentadbiran Mukim Koh Sarai (2009), Pulau Lipek atau Koh Lipek terletak di daerah Koh Sarai. Mukim Koh Sarai mempunyai tujuh buah kampung, iaitu Kampung Tanjong Uma, Kampung Bakan Yai, Kampung Tanjong Keling, Kampung Koh Yarak Todyai, Kampung Talok Nam dan Kampung Pulau Lipek-Adang (Majlis Pentadbiran Mukim Koh Sarai, Jun 2009).

Berdasarkan latar belakang tersebut, pengkaji akan mengenal pasti dan merungkai beberapa permasalahan kajian yang akan digunakan sebagai landasan untuk menyelesaikan permasalahan kajian melalui metodologi dan kerangka teoretis yang digunakan dalam kajian ini.

1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu tentang DMUL. Namun, kebanyakan kajian tersebut lebih bersifat deskriptif, sesuai dengan matlamat kajian mereka untuk memberikan sumbangan dari segi data yang dikumpulkan melalui penelitian dan kerja lapangan.

Walaupun kajian tentang fonologi DMUL pernah dijalankan sebelum ini, seperti kajian Chantas (1976) yang bertajuk *The Phonology of The Chao-Le Language On Ko Sire Amphoe Muang, Changwat Phuket*; kajian Amon Saengmani (1979) yang bertajuk *Phonology of The Urak Lawoi' Language: Adang Island*; kajian Kannika (1985) yang bertajuk *The Phonology of Urak Lawoi' Language on Lanta Island in Krabi Province*; dan kajian Asmah Haji Omar (2008(a)) yang bertajuk *Dialek Urak Lawoi dalam Susur Galur Bahasa Melayu*. Namun, masih terdapat beberapa kekurangan, seperti yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

Amon Saengmani (1979) telah membuat kajian tentang fonologi DMUL di Pulau Adang berdasarkan fonologi segmental. Asmah Haji Omar (2008(a)) pula membuat penambahbaikan terhadap kajian Amon Saengmani (1979). Daripada kajian Asmah Haji Omar (2008(a)), beberapa contoh proses fonologi segmental dapat dilihat dalam DMUL. Sebagai contoh, vokal tinggi /u/ pada posisi akhir kata digugurkan dan digantikan dengan vokal tengah [ə]. Contohnya adalah seperti yang berikut:

(1) Perubahan vokal tinggi /u/ kepada vokal tengah [ə]

Struktur Dalaman (SD)	Struktur Permukaan (SP)	Bahasa Melayu Standard (BMS)
/bəgitu/	[gitə]	begitu
/dunia/	[dənia]	dunia

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Asmah Haji Omar (2008(a), p. 380)

Proses fonologi segmental DMUL yang ada kesejajaran –ar dan –ur pada akhir kata dengan vokal tengah [ə]. Contohnya adalah seperti yang berikut:

(2) Perubahan –ar dan –ur pada akhir kata kepada vokal tengah [ə]

SD	SP	BMS
/bəsar/	[bəsə]	besar
/dʒəmʊr/	[dʒəmə]	jemur

Sumber: Diubah suai daripada Asmah Haji Omar (2008(a), p. 380)

Berdasarkan kajian Amon Saengmani (1979), Asmah Haji Omar (2008(a)) memperlihatkan beberapa perubahan fonologi dalam DMUL. Antara proses fonologi yang ditunjukkan oleh Asmah Haji Omar (2008(a)) ialah perubahan konsonan nasal di akhir kata menjadi konsonan hentian tak bersuara, iaitu konsonan obstruen tak

bersuara dalam DMUL yang tidak wujud dalam BMS, iaitu konsonan nasal $m \rightarrow p$, $n \rightarrow t$, dan $\eta \rightarrow k$. Contohnya adalah seperti yang berikut:

(3) Penyebaran konsonan nasal pada akhir kata berubah menjadi konsonan hentian tak bersuara.

SD	SP	BMS
/hajam/	[hajap]	ayam
/fijum/	[fijop]	cium

Sumber: Diubah suai daripada Asmah Haji Omar (2008(a), p. 383)

SD	SP	BMS
/ʔajun/	[ʔajot]	ayun
/ʔikan/	[ʔikat]	ikat

Sumber: Diubah suai daripada Asmah Haji Omar (2008(a), p. 383)

SD	SP	BMS
/haraŋ/	[harak]	arang
/pasaŋ/	[pasak]	pasang

Sumber: Diubah suai daripada Asmah Haji Omar (2008(a), p. 385)

Berdasarkan kajian Asmah Haji Omar (2008(a)), beliau tidak menghuraikan proses perubahan fonologi secara mendalam dan lebih terperinci. Oleh itu, pengkaji akan melihat proses fonologi dalam DMUL dengan lebih mendalam berdasarkan analisis fonologi autosegmental.

Sehubungan dengan itu, kajian lalu tentang DMUL menunjukkan bahawa dialek ini mempunyai hubungan kekeluargaan dengan bahasa Melayu (BM), iaitu tergolong dalam rumpun Austronesia. Buktinya kajian Asmah Haji Omar (2008(a)), Hasnida (2008) dan Amon Saengmani (1979) masing-masing menyatakan DMUL hampir sama dengan BM dari aspek bunyi dan perkataan yang berkognat, iaitu mempunyai hubungan bentuk dan makna kata yang serupa antara DMUL dengan BM (Noriah dan Hasnida, 2013, p. 42, Hasnida, 2008, p. x dan Amon Saengmani, 1979, p. x).

Selain itu, kajian Rohani (2009), dan Chom, (1972) juga memperlihatkan beberapa persamaan antara DMUL dengan BM, khususnya dari aspek fonologi dan leksikal. Bahkan DMUL kelihatan semakin hari semakin terhakis dan mungkin akan berlaku kekurangan penutur DMUL. Hal ini adalah disebabkan oleh kemajuan yang berlaku dalam kalangan penutur DMUL (Rohani, 2009, p. 2 dan Chom, 1972, p. ii). Oleh itu, pengkaji akan mengemukakan beberapa permasalahan kajian seperti yang berikut:

Permasalahan pertama, Amon Saengmani (1979, p. 45) dan Amon Taweesak (1986, p. 57) menyatakan bahawa DMUL di wilayah Satun dan wilayah Phuket mempunyai 19 konsonan dan lapan vokal. Sebaliknya, Chantas (1976, p. 101) menyatakan bahawa DMUL di Phuket mempunyai 28 konsonan, 20 gugusan konsonan, 16 vokal yang terdiri daripada lapan vokal pendek dan lapan vokal panjang dan empat urutan vokal. Berdasarkan kajian Amon Taweesak (1986), Amon Saengmani (1979) dan Chantas (1976), pengkaji akan mengenal pasti dan menentukan jumlah vokal dan konsonan dalam DMUL.

Permasalahan kedua, Amon Taweesak (1986) dan Amon Saengmani (1979) menyatakan bahawa struktur suku kata DMUL terdiri daripada tiga jenis, iaitu suku kata dasar (*major syllable*), suku kata minor (*minor syllable*) dan prasuku kata (*presyllable*). Mereka menyatakan bahawa suku kata dasar DMUL terdiri daripada KV, KVK, KKV dan KKVK. Suku kata minor terdiri daripada KV, KKV dan KVK. Seterusnya prasuku kata DMUL ialah imbuhan awalan yang terdiri daripada satu atau dua imbuhan pada awal kata, iaitu (K)KV. Sebaliknya, Chantas (1976) beranggapan bahawa struktur suku kata DMUL terdapat sembilan jenis, iaitu KV, KVK, KVKK, KKV, KKVK, KKVKK, KVV, KVVK dan KKKV. Beliau menyatakan bahawa perkataan DMUL terdiri daripada dua suku kata (*bisyllabic*) atau lebih dan suku kata berat iaitu tekanan dibunyikan pada setiap akhir suku kata, sama ada pada suku kata dasar atau selainnya.

Anggapan Amon Taweesak (1986), Amon Saengmani (1979) dan Chantas (1976) menunjukkan bahawa struktur suku kata DMUL ada persamaan dengan struktur suku kata dasar BM. Menurut ahli fonologi, iaitu Farid (1980, p. 56), Yunus (1980, p. 14), Tajul Aripin *et al.* (2005, p. 19) dan Zaharani (2013, p. 43) menyatakan bahawa struktur suku kata BM tergolong dalam jenis ke IV, iaitu (K)V(K) yang memperlihatkan bentuk suku kata V, VK, KV dan KVK, seperti yang telah disenaraikan oleh Clements dan Keyser (1983, p. 29). Hal ini bermakna DMUL mungkin mempunyai struktur suku kata yang sama dengan struktur suku kata BM kerana Asmah Haji Omar (2008(a)), Hasnida (2008), Amon Taweesak (1986), Amon Saengmani (1979), Rohani (2009) dan Chom (1972) mengatakan bahawa DMUL mempunyai persamaan dengan BM.

Permasalahan ketiga, kajian fonologi terdahulu seperti Chantas (1976), Amon Saengmani (1979) dan Amon Taweesak (1986) kebanyakan kajian tersebut lebih bersifat deskriptif, sesuai dengan objektif kajian mereka. Adapun Asmah Haji Omar (2008(a)) telah membuat penambahbaikan terhadap kajian Amon Saengmani (1979) dengan menyatakan rumus-rumus fonologi yang terdapat dalam DMUL, antaranya penyahnasalan pada fonem-fonem nasal di akhir kata seperti /malam/ [malap], /tahan/ [tahat], perubahan –ar dan –ur menjadi vokal pepet pada akhir suku kata seperti /bəsar/ [bəsə] dan ketiadaan bunyi hentian /s/ seperti /lipas/ [lipajh], /bungkus/ [bukojh] dan lain-lain. Beliau juga menyatakan bahawa dialek UL dan dialek Minang merupakan dua subdialek dari dialek yang sama, kemudiannya berkembang menjadi dialek tersendiri. Beliau menyatakan bahawa dialek UL masih mempertahankan ciri fonologi yang tidak wujud lagi dalam dialek-dialek lain di Semenanjung Tanah Melayu. Namun, boleh dikesan dalam bahasa Melayu Klasik yang digunakan dalam hikayat-hikayat yang bertarikh 1600 – 1700 M.

Hasnida (2008, p. 117) menyatakan bahawa dalam DMUL di Pulau Lipek, banyak perkataan yang telah bercampur-aduk dengan bahasa Thai (BT). Maklumat ini berbeza dengan DMUL di Kampung Laem Tukkae yang masih mampu menjaga bahasa ibunda mereka (Samnakngan Thesaban Tambon Rasada, 2014). Berdasarkan beberapa permasalahan kajian, pengkaji akan mengenal pasti proses fonologi dalam DMUL di kedua-dua lokasi tersebut berdasarkan teori autosegmental.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian, terdapat tiga objektif kajian yang ingin dilihat oleh pengkaji. Secara ringkasnya, objektif kajian adalah untuk membincangkan perihal fonologi DMUL seperti yang berikut:

- 1.3.1 Mengetahui inventori fonem DMUL.
- 1.3.2 Mengetahui struktur suku kata DMUL.
- 1.3.3 Menganalisis proses-proses fonologi DMUL.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada objektif kajian yang dibincangkan, ternyata masih banyak persoalan yang perlu ditanyakan. Bagi mencapai objektif 1.3, pengkaji telah menimbulkan tiga persoalan kajian seperti yang berikut:

- 1.4.1 Apakah inventori fonem DMUL?
- 1.4.2 Apakah jenis struktur suku kata DMUL?
- 1.4.3 Bagaimanakah proses fonologi DMUL dianalisis?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini memuatkan dapatan baharu dan terkini yang diperlukan sebagai sumbangan bernilai terhadap usaha mempertahankan DMUL di dunia, umumnya dan DMUL di Thailand khususnya.

Di samping itu, kajian ini dapat meningkatkan ilmu dalam bidang linguistik, khususnya bidang fonetik dan fonologi BM. Hal ini di katakana demikian kerana dalam kajian terdahulu masih terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan proses

fonologi yang perlu ditingkatkan supaya lebih berfungsi untuk memaklumkan data dan memaparkan maklumat atau cara hidup masyarakat UL.

Kajian ini perlu dilakukan kerana kekurangan kajian fonologi yang menggunakan pendekatan fonologi generatif. Melalui pendekatan ini, pengkaji akan membincangkan proses fonologi dalam DMUL. Kajian ini sangat penting bagi para pelajar peringkat sekolah menengah, peringkat pengajian tinggi, para guru dan para pensyarah di dalam dan di luar negara untuk dijadikan sebagai asas untuk membincangkan ilmu fonologi.

Walaupun terdapat kajian terdahulu yang mengkaji tentang fonologi DMUL namun, analisis kajian tersebut boleh dikatakan belum mencapai penjelasan yang berpada kerana pendekatan yang digunakan adalah bersifat fonologi segmental dan menyenarai bunyi kata serta mengenal pasti sejarah masyarakat UL semata-mata. Oleh itu, kajian ini mendorong pengkaji untuk meneroka proses fonologi yang berlaku dalam DMUL dengan menggunakan pendekatan autosegmental yang bersifat teoretikal dan boleh menghuraikan suatu proses fonologi dengan lebih berpada.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti inventori fonem, struktur suku kata dan proses fonologi DMUL. Sebagaimana yang telah dijelaskan dalam 1.1.1, pengkaji akan mengkaji fonologi DMUL di dua lokasi kajian, iaitu UL yang tinggal di Kampung Laem Tukkae wilayah Phuket dan Pulau Lipek wilayah Satun. Pengkaji akan melihat kedua-dua tempat ini kerana menurut Kannika (1985) DMUL terdiri daripada dua kumpulan, iaitu kumpulan Phuket dan kumpulan Satun-Krabi yang mempunyai

banyak persamaan dan perbezaan, antaranya ialah intonasi, tekanan, suku kata dan fonem. Namun begitu, kajian ini tidak memberi tumpuan kepada aspek-aspek tekanan dan intonasi, sebaliknya kajian hanya akan memberi tumpuan kepada inventori fonem vokal dan konsonan, struktur suku kata dan proses-proses fonologi yang berlaku dalam DMUL.

1.6.1 Data Kajian

Data kajian yang akan digunakan dalam kajian ini ialah data yang berkaitan dengan DMUL yang terdiri daripada data sinkronik daripada informan kajian (Rujuk 1.6.2) dan data diakronik daripada kajian lampau, khususnya sistem vokal dan konsonan seperti yang dipaparkan oleh pengkaji terdahulu. Seterusnya, data yang diperoleh akan dianalisis berdasarkan teori autosegmental, iaitu huraian data DMUL akan dijelaskan dengan menggunakan pendekatan fitur distingtif geometri model Halle (1995), representasi tingkat suku kata Clements (1985(a)), model pemindahan melodi Clements (1985(b)) dan pembinaan struktur suku kata Zaharani dan Teoh Boon Seong (2006).

1.6.2 Informan Kajian

Informan ialah orang yang mempunyai bahan maklumat tentang perkara yang diperlukan oleh pengkaji atau pemaklum bahan bahasa yang dikaji oleh pengkaji (Asmah, 2008(b), p. 45). Dalam kajian ini, tumpuan utama kajian diberikan kepada informan yang mempunyai latar belakang asal, iaitu keturunan orang Melayu UL.

Pemilihan informan pula perlu dilihat berdasarkan faktor umur, penguasaan bahasa, jantina, kesihatan dan taraf sosial dalam komuniti (Asmah, 2008(b), p. 46). Pengkaji memilih informan dari umur 38 tahun ke atas. Ini kerana kebanyakan informan dalam kalangan orang laut ini bersedia untuk memberi kerjasama semasa mengumpul data. Justifikasi pengkaji memilih informan tersebut kerana mengikut Asmah Haji Omar (2008(b)) faktor umur terlalu tua mungkin informan akan nyanyuk, manakala orang muda pula mungkin tidak banyak menguasai sistem dan struktur dalam pertuturan bahasa mereka.

Penguasaan bahasa juga perlu dititikberatkan. Faktor ini sangat penting bagi menentukan informan, sama ada bahasa penutur tersebut asli atau tidak. Pengkaji memilih faktor keaslian supaya data yang dirakam merupakan bahasa sebenar yang dituturkan dalam komuniti tersebut. Penguasaan bahasa yang baik adalah untuk menentukan kebolehan penutur bertutur dengan betul dan tepat serta mempunyai waktu yang cukup untuk memberikan maklumat kepada pengkaji (Samarin, 1993, p. 29).

Pengkaji akan memilih 20 orang informan yang terdiri daripada 10 orang informan dari Kampung Laem Tukkae dan 10 orang informan dari Pulau Lipek, iaitu lima orang informan lelaki dan lima orang informan perempuan bagi mendapatkan sebanyak mungkin data DMUL. Untuk tujuan tersebut, pengkaji akan menemui ketua daerah lokasi kajian untuk memohon kerjasama.

Pengkaji juga turut menitikberatkan faktor kesihatan, terutama yang melibatkan organ pertuturan untuk mengutip data yang tepat. Faktor kesihatan sangat penting bagi memilih seseorang informan, kerana menurut Asmah Haji Omar (2008(b), p. 48) orang yang tidak sihat tidak boleh dipilih sebagai informan kerana mungkin keadaan mentalnya tidak segar atau informan yang mempunyai penyakit yang melibatkan organ pertuturan akan menyebabkan bunyi bahasa yang dihasilkan tidak jelas dan tepat.

Bagi memenuhi faktor taraf sosial dalam komuniti pula, pengkaji akan mengambil kira latar belakang informan seperti orang yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat UL, yakni orang yang dipercayai dapat memberikan kerjasama dan bersedia menjadi informan yang baik. Menurut Noriah (1998, p. 22), kelainan bahasa yang digunakan oleh seseorang akan ditentukan oleh faktor sosial. Hal ini penting kerana kedudukan yang dihormati oleh ahli komuniti akan menunjukkan ada hubungan baik dalam masyarakat UL.

Informan ini akan dimaklumkan tentang objektif kajian dan bentuk pelibatan yang diperlukan dalam proses kutipan data. Setiap informan akan dibekalkan dengan surat persetujuan informan. Persetujuan informan akan diperoleh terlebih dahulu sebelum mengutip data bagi mematuhi etika penyelidikan, seperti merahsiakan nama informan dan maklumat peribadi mereka (Newman, 2011, p. 457-459). Adapun, pengumpulan data kajian yang diperoleh daripada informan dibahagikan kepada empat fasal (Rujuk muka surat 56).

1.6.3 Tempoh Kajian

Tempoh masa untuk menyelesaikan kajian ialah lebih kurang dua tahun hingga tiga tahun. Peruntukan masa yang dicadangkan bergantung pada syarat yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Tempoh masa kajian sesuai untuk pengkaji mengumpul data lapangan dan data kepustakaan. Seterusnya, data yang diperoleh oleh pengkaji akan diproses dan dianalisis.

1.6.4 Lokasi Kajian

Lokasi kajian merupakan perkara penting yang dapat membezakan antara sesuatu jenis kajian dengan sesuatu kajian lain (Asmah Haji Omar, 2008(b), p. 10). Lokasi kajian pilihan pengkaji ialah Kampung Laem Tukkae, mukim Rasada, daerah bandar, wilayah Phuket, dan Pulau Lipek, wilayah Satun. Pengkaji memilih dua lokasi ini untuk mendengar dan meneliti pertuturan yang digunakan oleh informan kajian. Lokasi kajian ini menjadi tumpuan pengkaji kerana lokasi tersebut merupakan tempat tinggal masyarakat UL di Thailand yang paling ramai dan masih kuat mengamalkan budaya UL yakni dari aspek cara hidup dan penggunaan DMUL dalam komunikasi harian. Lokasi kajian ditunjukkan dalam Lampiran A.

1.7 Definisi Istilah

Terdapat beberapa definisi istilah yang perlu diberikan perhatian supaya kajian ini lebih mudah difahami. Definisi istilah tersebut ialah fitur, distingtif, penyebaran, asimilasi, geluncuran, penyisipan, pengguguran, pengglotisan, struktur dalaman dan struktur permukaan.

1.7.1 Fitur

Fitur ialah ciri yang melambangkan kata-kata atau morfem yang disimpan dalam ingatan atau memori mental sebagai urutan segmen. Fitur juga merujuk segmen atau bunyi. Fitur bagi sesuatu segmen merupakan sesuatu yang universal dan kompleks (Halle, M., 2002, p. 3). Dalam bahasa Inggeris sistem fitur vokal ialah fitur tinggi, belakang, rendah, bundar dan kala. Sistem fitur konsonan ialah anterior dan koronal (Chomsky, N., & Halle, M., 1968, p. 177).

1.7.2 Distingtif

Distingtif ialah sifat atau ciri pembeza bagi sesuatu unit linguistik dengan unit linguistik lain (*Kamus Linguistik*, 1997, p. 64). Distingtif bermaksud perbezaan sesuatu bunyi fonem berdasarkan ciri cara dan daerah sebutan serta kualiti bunyi. Antara fitur distingtif ialah konsonantal, sonoran, silabik, tinggi, rendah, belakang, anterior (depan), koronal, bundar, tense (tegang), bersuara, kesinambungan (berterusan), nasal dan striden (lantang) (Chomsky, N., & Halle, M., 1968, p. 176).

1.7.3 Penyebaran

Penyebaran ialah perubahan sesuatu segmen menjadi sama dengan segmen di sebelahnya melalui proses penyebaran fitur. Proses penyebaran fitur biasanya melibatkan fitur titik artikulasi kerana fitur titik artikulasi memiliki sekelompok fitur yang boleh menyebarkan fiturnya kepada segmen lain yang berdekatan dengannya (Halle, M., 2002, p. 199).

1.7.4 Asimilasi

Asimilasi ialah proses penyalinan fitur yang paling banyak berlaku dalam proses fonologi. Proses penyalinan fitur berlaku daripada satu fitur kepada satu fitur yang berdekatan dalam sesuatu perkataan. Proses asimilasi dapat dijelaskan sebagai satu proses penyebaran fitur daripada satu segmen kepada segmen sasaran, iaitu fitur mengambil sebahagian atau keseluruhan fitur yang berdekatan dengannya (*The Handbook of Phonological Theory*, 1995, p. 257, dan Halle. M., 2002, p. 235). Asimilasi terbahagi kepada dua jenis, iaitu asimilasi progresif dan asimilasi regresif. Asimilasi progresif berlaku apabila penyebaran fitur dari kanan ke kiri, manakala asimilasi regresif pula berlaku apabila penyebaran fitur dari kiri ke kanan (Masnur, 2009, p. 119).

1.7.5 Geluncuran

Geluncuran ialah proses penyebaran fitur yang berlaku apabila vokal pertama dalam urutan vokal terdiri daripada vokal [+tinggi] /i/ atau /u/ dalam sesebuah perkataan. Geluncuran bermaksud proses penyebaran geluncuran [w] dan [j] daripada vokal tinggi /u/ dan /i/ (Mataim, 2008, p. 122). Jika vokal tinggi berada pada posisi onset, maka vokal tersebut dikenali sebagai geluncuran dan jika vokal tinggi berada pada posisi nukleus, maka vokal tersebut dikenali sebagai vokal [+tinggi] (Tajul Aripin, 2007, p. 146).

1.7.6 Penyisipan

Penyisipan ialah proses menyisipkan konsonan di antara urutan vokal atau menyisipkan vokal di antara urutan konsonan. Dalam BM, ruang kosong di antara dua vokal akan disisip dengan konsonan apabila vokal pertama terdiri daripada vokal

[-rendah], contoh perkataan /gunaan/ → [gunaʔan] (Tajul Aripin, 2007, p. 152-153).

Dalam bahasa Inggeris, ruang kosong di antara dua konsonan di akhir kata akan disisip dengan vokal apabila konsonan kedua terdiri daripada konsonan nasal, contoh perkataan /film/ → [filəm] (Davenport & Hannash, 1998. p. 125).

1.7.7 Pengguguran

Pengguguran merupakan salah satu proses fonologi yang menggugurkan bunyi vokal atau bunyi konsonan dalam sesuatu suku kata, perkataan atau ayat yang boleh menyebabkan berlakunya perubahan pada suku kata. Contoh rumus pengguguran ialah $V \rightarrow \emptyset / \text{___} V$ (Goldsmith, 1976, p. 30).

1.7.8 Pengglotisan

Pengglotisan ialah proses mengubah sesuatu fonem bertukar menjadi hentian glotis [ʔ]. Dalam BM konsonan /k/ yang menduduki posisi koda atau konsonan /k/ dan /g/ pada akhir kata berubah menjadi konsonan hentian glotis [ʔ]. Contoh rumus pengglotisan ialah $\{k, g\} \rightarrow \text{ʔ} / \text{___} \{\#, k\}$. Oleh itu, status hentian glotis dianggap sebagai sebahagian daripada fonem atau pasca leksikal. Contoh /budak/ → [budaʔ] (Farid, 1980. p. 9, Teoh, 1994. p. 58-59, dan Yunus, 1980. p. 59).

1.7.9 Struktur Dalaman

Struktur dalaman (SD) ialah bentuk bunyi sesuatu segmen sebelum bunyi sebenar. Struktur dalaman merupakan bentuk bunyi abstrak yang diandaikan yakni bentuk bunyi yang wujud sebelum lahirnya struktur permukaan, dengan adanya struktur

dalam ini barulah kita dapat melihat proses-proses fonologi yang berlaku sebelum wujudnya struktur permukaan yang dikenali sebagai representasi fonemik, dan bentuk fonemik ini direalisasikan dalam lambang garis miring // (Tajul Aripin, 2011. p. 23)

1.7.10 Struktur Permukaan

Struktur permukaan (SP) ialah bentuk bunyi sebenar yang diucapkan oleh seseorang penutur bahasa atau dikenali bunyi fonetik. Struktur permukaan merupakan bentuk bunyi bahasa yang disebut atau bunyi sebenar bahasa yang dituturkan oleh manusia, dan bentuk struktur permukaan direalisasikan dalam lambang kurungan sesiku [] (Tajul Aripin, 2011. p. 23)

1.8 Rumusan

Dalam Bab Pertama ini, pengkaji telah membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan kajian seperti pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, definisi istilah dan rumusan. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan ulasan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.